

SIARAN AKHBAR
30 April 2013

EKUINAS CATAT PENCAPAIAN KUKUH BAGI 2012

Fakta Penting: -

- Bagi tahun 2012, Ekuinas telah melaksanakan empat (4) pelaburan langsung dan dua (2) pelaburan di bawah Program Penyumberan Luar dengan jumlah pelaburan sebanyak **RM583.0 juta**. Semenjak penubuhannya, Ekuinas telah membuat pelaburan di dalam lima belas (15) buah syarikat dengan jumlah pelaburan keseluruhan sebanyak **RM1.5 bilion**, yang seterusnya telah membantu kemasukan modal hampir **RM2.0 bilion** ke dalam ekonomi Malaysia.
- Dana ulung iaitu Ekuinas Direct (Tranche 1) Fund mencatatkan jumlah pulangan portfolio kasar sebanyak **RM368.6 juta**, bersamaan dengan Kadar Pulangan Dalaman (IRR) kasar sebanyak **27.5%** dan **IRR bersih tahunan sebanyak 20.6%** yang melebihi sasaran kewangan minimum Syarikat iaitu 12% dan sasaran aspirasi 20% setahun.
- Melalui aktiviti-aktiviti pelaburannya, Ekuinas telah meningkatkan Nilai Ekuiti Bumiputera sebanyak **RM1.9 bilion** bersamaan dengan **1.4** kali ganda jumlah modal yang telah dilaburkan. Di samping itu, Ekuinas telah meningkatkan Jumlah Nilai Pemegang Saham sebanyak **RM2.4 bilion**, ataupun **1.7** kali ganda modal yang dilabur Ekuinas. Ini membuktikan keberkesanan model Ekuinas dalam meningkatkan nilai pemegang saham bagi semua rakyat Malaysia.
- Ekuinas juga berada pada landasan yang betul dalam mewujudkan syarikat peneraju Malaysia di dalam sektor kapal sokongan luar pesisir, Pendidikan dan Peruncitan Makanan & Minuman melalui strategi transformatif menyatukan syarikat-syarikat bersaiz sederhana dan berpotensi tinggi yang saling melengkapi antara satu sama lain.

KUALA LUMPUR, (30 April 2013): Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas), syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan Kerajaan, hari ini mengumumkan pencapaian kukuh yang berterusan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012, dengan Ekuinas Direct (Tranche 1) Fund mencatatkan jumlah pulangan portfolio sebanyak RM368.6 juta, bersamaan Kadar Pulangan Dalaman (IRR) kasar tahunan 27.5% dan IRR bersih tahunan 20.6%. Pencapaian ini sekali lagi melebihi sasaran minimum 12% setahun dan sasaran aspirasi 20% Syarikat.

Di dalam tahun ketiga operasi yang begitu penting, Ekuinas telah berjaya melaksanakan enam (6) pelaburan tambahan secara langsung dan di bawah program penyumberan luar di dalam syarikat-syarikat Malaysia yang berpotensi tinggi dengan jumlah pelaburan sebanyak RM583.0 juta. Ini

termasuk empat (4) pelaburan langsung di dalam dua syarikat Kapal Sokongan Luar Pesisir (OSV), iaitu Tanjung Kapal Services Sdn Bhd dan OMNI Petromaritime Sdn Bhd, yang kemudiannya disatukan menjadi Icon Offshore Berhad; kemudian UNITAR International University; dan Burger King Singapore Pte Ltd. Dua (2) lagi pelaburan yang telah dilaksanakan oleh firma ekuiti persendirian luaran di bawah program penyumberan luar Ekuinas ialah di dalam syarikat MCAT Box Office Sdn Bhd dan SEG International Berhad.

Ini menjadikan jumlah pelaburan komited yang telah dilaksanakan oleh Ekuinas semenjak ditubuhkan mencecah lima belas (15) buah syarikat kesemuanya pada nilai RM1.5 bilion. Bersama dengan modal pelaburan rakan pelabur swasta, Ekuinas telah menjana jumlah kemasukan modal melebihi RM2.0 billion ke dalam ekonomi Malaysia.

Keputusan pencapaian 2012 Ekuinas telah diumumkan oleh Pengerusi Ekuinas, Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda, di sebuah majlis yang diadakan pada pagi ini. Beliau berkata, "Pencapaian Ekuinas bagi tahun 2012 menunjukkan kesinambungan pencapaian kukuh dan positif yang dicatat pada dua tahun sebelum ini dan jelas mencapai objektif-objektif kewangan dan sosial yang telah ditetapkan. Pencapaian yang menggalakkan ini turut membuktikan keberkesanan model ekuiti persendirian Ekuinas yang merupakan strategi inovatif Kerajaan dalam meningkatkan penglibatan ekonomi Bumiputera yang mampan melalui kerjasama awam-swasta tulen berdasarkan prinsip mesra pasaran, berdasarkan merit dan telus."

"Pencapaian kukuh ini telah berjaya dicapai melalui pengwujudan nilai transformatif di syarikat-syarikat portfolio kami. Strategi Ekuinas ialah untuk melabur di dalam syarikat-syarikat yang saling melengkapi di bawah sektor yang sama dengan tujuan khusus mewujudkan syarikat-syarikat peneraju pasaran masa hadapan Malaysia dan strategi ini telah mula membuahkan hasil yang ketara," tambah Raja Tan Sri Arshad lagi.

Melalui strategi penggabungan ini, atau di dalam istilah ekuiti persendirian dikenali sebagai "Beli dan Bina", Ekuinas telah berjaya menubuhkan kumpulan-kumpulan syarikat peneraju pasaran yang berpotensi merangkumi tiga sektor utama: Minyak & Gas; Pendidikan; dan Peruncitan Makanan & Minuman. Syarikat Kapal Sokongan Luar Pesisir (OSV) milik Ekuinas yang baru disatukan, Icon Offshore Berhad, kini adalah syarikat OSV ketiga terbesar di Malaysia dan bakal disenaraikan pada tahun 2014. Pada masa yang sama, Kumpulan Pendidikan Ekuinas yang terdiri daripada lima

institusi-institusi yang saling melengkapi adalah di antara kumpulan pendidikan terbesar Malaysia dengan jumlah kemasukan pelajar melebihi 28,000 orang. Selain itu, kumpulan makanan & minuman milik Syarikat iaitu Integrated Food Group Sdn Bhd, kini menjana pendapatan lebih daripada RM350.0 juta menerusi 150 buah cawangan di rantau ini.

Dari segi objektif sosial, Ekuinas telah berjaya meningkatkan jumlah Nilai Ekuiti Bumiputera di dalam syarikat-syarikat portfolionya sebanyak **RM1.9 bilion** atau **1.4 kali ganda** jumlah modal dilabur Ekuinas. Lebih penting lagi, Nilai Pemegang Saham Keseluruhan bagi kesemua syarikat portfolio Ekuinas juga telah meningkat sebanyak **RM2.4 bilion** atau **1.7 kali ganda** modal yang dilaburkan dan ini membuktikan keberkesanan model Ekuinas dalam meningkatkan pendapatan bagi seluruh rakyat Malaysia.

Syarikat-syarikat portfolio Ekuinas kini menyediakan peluang pekerjaan kepada 7,749 orang rakyat Malaysia, iaitu peningkatan sebanyak 9.6% semenjak kemasukan Ekuinas di dalam syarikat-syarikat tersebut. Syarikat-syarikat portfolio tersebut juga mempunyai 144 orang pengurus yang berkebolehan dan berbakat, sekaligus membuktikan Ekuinas berupaya memenuhi objektif-objektif sosialnya.

Ketua Pegawai Eksekutif Ekuinas, Dato' Abdul Rahman Ahmad, yang menghuraikan keputusan pencapaian 2012 Ekuinas, berkata, "Dengan sukacitanya kami melaporkan sebanyak RM123.6 juta atau 33.5% daripada jumlah pulangan portfolio telah pun direalisasikan melalui pendapatan dividen daripada syarikat-syarikat portfolio dan juga daripada hasil pelupusan. Selain itu, syarikat-syarikat portfolio kami kini menjana pendapatan melebihi RM1.4 bilion dan EBITDA sebanyak RM354.0 juta."

"Kami tetap yakin dengan ekonomi Malaysia dan, tertakluk kepada ketersediaan dana dan peluang pelaburan yang menarik, kami bercadang untuk melabur sebanyak RM600.0 juta pada tahun ini melalui Ekuinas Direct (Tranche II) Fund yang baru dilancarkan serta melalui Program Penyumbangan Luar. Pada masa yang sama, kami juga akan meneruskan strategi pengwujudan nilai transformatif di syarikat-syarikat portfolio kami, sejajar dengan usaha kami untuk mengubah syarikat-syarikat Malaysia bersaiz sederhana dan berpotensi tinggi menjadi peneraju pasaran masa hadapan di dalam industri mereka masing-masing," tambah beliau lagi.

Sehubungan dengan itu, Ekuinas juga mengumumkan bahawa dana Navis Malaysia Growth Opportunities Fund I (MGO Fund), yang diurus oleh Navis Capital Partners di bawah Program Penyumberan Luar Ekuinas, telah pun melaksanakan dua pelaburan pada tahun ini di dalam syarikat Strateq Group, sebuah syarikat penyedia perkhidmatan teknologi maklumat terkemuka dan HG Power Transmission Sdn Bhd, sebuah syarikat kejuruteraan, pengilang dan pemasangan menara transmisi dan tiang elektrik, dengan jumlah pelaburan komited sebanyak RM75.8 juta, yang mana RM49.6 juta daripada jumlah tersebut adalah komitmen Ekuinas.

- Tamat -

Mengenai Ekuinas

Ekuinas (Ekuiti Nasional Berhad) ialah syarikat pengurus dana ekuiti persendirian berkaitan Kerajaan yang ditubuhkan pada 1 September 2009. Dengan bermodalkan dana peruntukan kerajaan bernilai RM5 bilion di bawah Rancangan Malaysia ke-9 dan Rancangan Malaysia ke-10, Ekuinas berhasrat menubuhkan syarikat-syarikat terkemuka generasi baru Malaysia di samping menggalakkan penglibatan golongan Bumiputera dalam bidang ekonomi secara saksama, berkesan dan berkekalan. Ekuinas kini telah membuat pelaburan di dalam syarikat-syarikat Malaysia berpotensi tinggi yang terlibat dalam sektor barangan pengguna laris, minyak dan gas, logistik, pendidikan dan peruncitan.

Untuk pertanyaan media, sila hubungi: -

Adli Abdul Karim, Weber Shandwick, AAbdulKarim@webershandwick.com (03) 6209 5222

Anis Azharuddin, Weber Shandwick, AAzharuddin@webershandwick.com (03) 6209 5217